

Khazanah tanah lembap negara

Malaysia banyak kawasan berpotensi diwartakan sebagai tapak Ramsar

Oleh Ilah Hafiz Aziz

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Malaysia adalah antara negara paling bertuah di dunia kerana dikurniakan kepelbagaiannya ekologi termasuk kewujudan lokasi tanah lembap yang sangat penting kepada kehidupan habitat serta manusia.

Pemuliharaan tanah lembap juga menjadi intipati penting dalam penjagaan alam sekitar global sehinggakan pada 2 Februari 1971 di bandar Ramsar berhampiran Laut Caspian, Iran terwujudnya suatu perjanjian antarabangsa mengenai kepentingan tanah lembap.

Sejak itu, Malaysia turut menandatangani Konvensyen Ramsar yang menyediakan rangka kerjasama antarabangsa dalam pemuliharaan habitat

tanah lembap pada 10 Mac 1995.

Setakat ini, sebanyak tujuh kawasan di seluruh negara diwartakan sebagai tapak Ramsar.

Tasik Bera diiktiraf sebagai tapak Ramsar pertama negara dan diwartakan pada 10 Mac 1995. Selepas itu Kukup, Tanjung Piai dan Sungai Pulai pula diisytiharkan, Taman Negara Kuching Wetlands pula diiktiraf sebagai tapak Ramsar kelima pada 2005 manakala Hilir Kinabatangan-Segama Wetlands dan Kota Kinabalu Wetlands di Sabah, masing-masing pada 2008 dan 2013.

Potensi sebagai tapak Ramsar

Dengan keadaan alam semula jadi di Malaysia yang kaya dengan tanah lembap, taman negara dan santuari sejawarnya lebih banyak kawasan

Malaysia tidak ketandus tanah lembap kerana terdapat banyak lagi lokasi ekologi itu konsisten untuk diwartakan sebagai tapak Ramsar.

Dijangka lebih lima lokasi baharu boleh diwartakan bagi tujuan sama.

Antaranya, Teluk Air Tawar di Pulau Pinang; Matang-Kuala Gula di Perak; Taman Alam Kuala Selangor di Selangor; Setiu di Terengganu dan beberapa lagi di Sabah serta Sarawak.

Semua tanah lembap di Malaysia meliputi kawasan tanah gambut, paya bakau, sungai, tasik dan pesisiran pantai, yang menjadi habitat penting kepada kepelbagaiannya spesies flora dan fauna terutama burung air yang bermigrasi.

Menurut Presiden Persatuan Ekologi Malaysia (PEM), Prof Dr Ahmad Ismail, sejarah Hari Tanah Lembap Sedunia, pada 2 Februari ini, yang disambut setiap tahun lebih 50 tahun lalu, sepatutnya tahap kesedaran orang ramai mengenai kepentingan

info

Mengenai Ramsar

- Sempena nama sebuah bandar di Iran, menjadi tuan rumah Konvensyen Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa pertama pada 1971.
- Tujuan konvensyen untuk memulihara tanah lembap, tempat berhat, lokasi mencari makanan burung hijrah dan lain-lain.
- Malaysia menganggotai Ramsar pada 1994
- Tasik Bera, Pahang diisytiharkan tapak Ramsar pertama negara (1995)
- Tanah lembap terbesar di dunia adalah di Pantanal (merentangi negara Brazil, Bolivia dan Paraguay di Amerika Selatan)

Pemandangan udara Tasik Bera di Triang, Pahang.
(Foto Aizudin Saad/BH)

Lihat muka 33

